

BERITA: Test



TDM & EY Tandatangani MOU Pembangunan Modal Insan Bahagian Perakaunan

Mohd Insyadi Abu Bakar

23 Dis 20 01:39 PTG

88



Utama Ekonomi

KUALA TERENGGANU, 23 Disember- TDM Berhad hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama organisasi perkhidmatan profesional Ernst & Young PLT sebagai sebahagian daripada rancangan jangka masa panjang bagi melahirkan tenaga kerja perakaunan dan kewangan mahir.

Pengarah Eksekutif TDM Berhad, Najman Kamaruddin memaklumkan, persefahaman tersebut terdiri daripada dua program iaitu Program Pelatih untuk Kelayakan Perakaunan Profesional dan Program Peminjaman Kakitangan.

"Kolaborasi ini akan berlangsung bagi tempoh dua tahun pertama ini dan kita akan melihat keperluan untuk meneruskannya pada masa akan datang.

"Program ini akan bermula seawal Januari dengan tiga calon bagi sesi pertama melibatkan kedua-dua program," katanya.



Beliau berkata demikian kepada Urus Setia Penerangan Darul Iman (UPDI) selepas majlis menandatangani MoU tersebut yang disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Terengganu, YB Dato' Mohd Zahari Md. Azahar di Wisma Darul Iman, hari ini.

Jelasnya, kerjasama yang diusahakan itu merupakan peluang berharga bagi pihak syarikat untuk mengetengahkan bakat perakaunan supaya dapat menerima latihan yang relevan dan menimba pengalaman kerja dengan salah satu firma perakaunan terkemuka negara..

"Calon Program Pelatih untuk Kelayakan Perakaunan Profesional akan menjalani latihan selama dua tahun bersama EY sebagai pelatih dan akan diambil bekerja tertakluk pada terma dan syarat kontrak pekerjaan EY.

"Manakala kakitangan TDM yang mengambil bahagian dalam Program Peminjaman Kakitangan akan bekerja bersama EY selama enam bulan untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengkhususan perkerjaan masing-masing," katanya.



Berita Terkini

- Test
- Perdana Menteri Santuni Mangsa Banjir Kemaman
- Majikan Perlu Beri Kerjasama Kawal Pekerja Asing- Dr. Azman
- TDM & EY Tandatangani MOU Pembangunan Modal Insan Bahagian Perakaunan
- Banjir Gelombang Keempat Di Terengganu Mula Surut

PALING POPULAR

- Sekatan Jalan Raya Dikuatkuasakan Di Seluruh Terengganu
- Pawi Pamer Aksi Di Portugal
- Gara-Gara Lelaki Berbasikal, Mok Nah Dah Popular
- Dulu Jurutera, Sekarang 'Food Rider'
- Penerbangan Dron Sekitar Drawbridge Pada 30,31 Ogos Tidak Dibenarkan



Tambahnya lagi, inisiatif berkenaan juga merupakan misi untuk mendorong pembangunan modal insan di negeri Terengganu dan komitmen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat untuk memperkasakan bukan sahaja tenaga kerja perakaunan profesional di TDM tetapi juga graduan perakaunan yang berkelayakan

"Kita berusaha menyediakan platform untuk merealisasikan potensi mereka sepenuhnya dan terus maju dalam kerjaya profesional masing-masing.

Kami juga ingin memastikan pekerja kami mengikuti perkembangan kemahiran dan kepakaran yang berkaitan untuk menyokong pertumbuhan syarikat secara tidak langsung," katanya.

Tag:

Artikel Berkaitan



Banjir Gelombang Keempat Di Terengganu Mula Surut
 23 Dis 2020



Perdana Menteri Santuni Mangsa Banjir Kemaman
 22 Dis 2020



Peniaga 'Bundle' Berputih Mata Rugi RM5,000
 22 Dis 2020



Pelajar Kongsi Idea, Hasilkan e-Beca
 21 Dis 2020

A picture is worth a thousand words.
 Follow us on Instagram.

FOLLOW TRDI

Don't miss out on the Latest News
 We won't spam you and we respect your privacy.

Your Email **SUBSCRIBE**

TRDI on Youtube
 Subscribe to our Youtube channel for all latest in-depth, on the ground reporting from around the world.
 SUBSCRIBE

TRDI on Facebook
 LIKE

FOLLOW (Twitter)
FOLLOW (Location)



Copyright © 2020 TRDI
 Powered by Mysoftcare


TRDI

Youtube
 Facebook UPDI
 Instagram TVDI

KORPORAT

Hubungi Kami

APLIKASI TRDI NEWS



DASAR KESELAMATAN

Syarat dan Perincian
 Polisi dan Peribadi
 Polisi Cookie

